



SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2016/05/46 (HQ)

PROJEK MESRA RAKYAT TNB PERINGKAT NEGERI TERENGGANU 2016

Kehidupan Puan Toh Ehi Ghim kini lebih selesa, setelah Tenaga Nasional Berhad (TNB) membaik pulih kediamannya di Kampung Pengkalan Arang, Kuala Terengganu, Terengganu menerusi Projek Mesra Rakyat Peringkat Negeri Terengganu 2016.

Puan Toh Ehi Ghim, 58 tahun, Ibu tunggal dan tiada pendapatan tetap. Beliau menyara dua orang anak. Seorang anaknya adalah Orang Kurang Upaya (OKU).

Melalui Projek Mesra Rakyat TNB, rumahnya yang usang kini telah dibaik pulih sepenuhnya. Di samping itu, turut dilaksanakan ialah kerja-kerja mengecat semula dinding luar dan dalam rumah serta menggantikan kesemua kayu bumbung yang telah reput kepada yang baru.

Rumah Puan Toh Ehi Ghim yang siap dibaiki dirasmikan hari ini oleh Pegawai Penyelaras DUN Bukit Tunggal, Tuan Arif Sahibu Fadilah Tuan Ahmad.

Pengurus Besar Negeri (Terengganu), Ir. Saharenam Mukhtar dalam ucapannya berkata Projek Mesra Rakyat adalah susulan daripada saranan kerajaan supaya Syarikat-syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) memainkan peranan dalam membantu kerajaan untuk membaiki kediaman golongan sasaran.

Golongan sasaran ini antaranya calon-calon India dan Cina terdiri daripada penduduk miskin luar bandar, ibu tunggal dan warga emas. Untuk tahun 2016, Negeri Terengganu telah diperuntukkan dua (2) buah rumah untuk di baik pulih. Setakat ini dua (2) orang penerima yang layak telah dikenal pasti iaitu masing-masing satu (1) di Kg. Pengkalan Arang dan Encik Bee Chong@Chen Chan Ken di Kampung Cina, Kuala Kemaman, Kemaman, Terengganu.

Dikeluarkan di Kuala Terengganu, Terengganu, pada 17 Mei 2016

Untuk sebarang pertanyaan lanjut sila hubungi Nor Hanim Idris (019-2617617) /

Wan Razak Wan Muda (013-927 8936)

media@tnb.com.my